

UPMKB sokong PICK secara menyeluruh

Sumbangan Mabel Wong, Fathudeen, Dr Keeren dan Rosidah Basir

SERAMAI 277 pelajar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) telah berjaya menerima suntikan vaksin COVID-19 dos pertama pada 4 Julai 2021, di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dinner World Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar UPMKB yang telah menerima vaksin adalah 307 pelajar.

UPMKB telah lama memainkan peranan dalam menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang sedang berlangsung di seluruh negara. UPMKB telah menjadi PPV pertama di Bintulu, untuk membantu mempercepatkan pemberian vaksin kepada masyarakat Sarawak, terutamanya di kawasan bandar Bintulu. Selain daripada itu, Pihak Pengurusan UPMKB dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), juga telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan slot vaksinasi COVID-19 untuk para pelajar yang berada di Kolej Sri Rajang (KSR).

"Pihak UPMKB sebagai sebuah universiti serta badan kerajaan memang sentiasa menyokong apa-apa inisiatif kerajaan.

"Inisiatif ini tidak akan berlaku jika kita hanya berdiam sahaja. Pihak UPMKB bersama dengan pihak pengurusan KSR selalu menjaga hubungan baik dengan pihak KKM serta sentiasa memohon kepada pihak KKM untuk memberikan keutamaan vaksinasi kepada para pelajar," tambah Shahrul.

Satu bancia secara dalam talian telah dijalankan oleh Majlis Perwakilan Kolej



MEMUDAHKAN: Pusat Pemberian Vaksin Dewan Sri Kenyalang, UPMKB Sarawak, yang merupakan PPV pertama di Bintulu.

untuk meninjau status penerimaan vaksin pelajar UPMKB. Maklumat yang dikumpul telah membantu pihak pengurusan universiti serta pihak pengurusan Kolej Sri Rajang dalam proses memohon slot vaksinasi COVID-19. Pihak pengurusan juga telah menyediakan bas untuk pergerakan pelajar ke PPV pada hari kejadian. Pergerakan pelajar telah dipantau oleh pihak pengurusan kolej dengan kerjasama erat daripada Majlis Perwakilan Kolej (MPK) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk memastikan bahawa para pelajar mengikuti SOP yang ditetapkan seperti pemakaian pelitup muka serta penjarakan sosial.

Program pemberian vaksin pada 4 Julai 2021 telah berjalan dengan lancar dan teratur. Dalam tempoh lima jam sahaja, keseluruhan pelajar telah selamat menerima suntikan vaksin dos pertama dan dihantar balik ke kolej penginapan masing-masing.

ing. Namun, terdapat juga sedikit cabaran yang dialami semasa pelaksanaan program tersebut.

"Pihak yang memainkan peranan yang paling penting ialah barisan pengurusan Kolej Sri Rajang dan persatuan pelajar (MPK & MPP), terutamanya ketua-ketua blok yang mengumpul serta menguruskan maklumat pelajar.

"Antara cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan proses pemberian vaksin ini termasuklah meyakinkan pelajar yang mungkin berasa ketakutan terhadap proses vaksinasi. Mungkin pelajar tersebut takut terhadap jarum ataupun pelajar tersebut telah membaca maklumat yang kurang tepat lalu memberikan tanggapan yang negatif," tambah Shahrul.

Beliau menyarankan pelajar untuk mencari maklumat secara menyeluruh dan mendapatkan bahan bacaan daripada sumber yang sahih.

"Yang pentingnya, kita

perlu percaya terhadap usaha KKM dalam membendung penularan COVID-19. Penjagaan SOP dan kawalan pergerakan bukan solusi yang boleh menyelesaikan masalah secara berpanjangan" ujar beliau lagi. Beliau juga menyarankan para pelajar untuk berfikir secara rasional dan dapat menilai risiko kesan sampingan pengambilan vaksin berbanding dengan risiko dijangkiti COVID-19.

Menurut Pengerusi Majlis Perwakilan Kolej KSR pelajar UPMKB Wazif Akmal Bin Hassdi, beliau teruja untuk mengambil vaksin dan mereka turut berterima kasih kepada pihak pengurusan kolej dan KKM kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam program imunisasi negara.

"Saya mewakili keseluruhan mahasiswa dan mahasiswi yang kini berada di kampus ingin mengucapkan rasa syukur dan ribuan terima kasih kepada pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pengurusan



IKUT GILIRAN: Pelajar menunggu di dalam dewan PPV Dinner World Bintulu.

Kolej Sri Rajang dan juga pihak KKM kerana memberikan peluang kepada semua pelajar untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 dalam program imunisasi negara ini. Kami juga menyokong dengan penuh hasrat kerajaan dalam mencapai imunisasi kelompok untuk mengekang penularan COVID-19 ini, terutamanya di negeri Sarawak," kata Wazif Akmal.

Pelajar UPMKB juga berharap agar masyarakat Malaysia akan terus menyokong usaha pemberian vaksin oleh pihak kerajaan bagi menanganai penularan wabak COVID-19 di negara kita.

Shahrul berasa bangga terhadap kejayaan program vaksin yang telah dilaksanakan pada 4 Julai yang lalu. Menurut beliau, boleh dikatakan hampir 100 peratus pelajar serta staf yang kini berada di kolej telah diberikan vaksin. Beliau juga merakamkan penghargaannya terhadap pihak KKM yang telah mempercepatkan proses

pemberian vaksin kepada pelajar yang berada di Kolej Sri Rajang.

Selain daripada usaha permohonan slot vaksinasi untuk pelajar dan staf, pihak UPMKB turut menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kerajaan dengan menyediakan sebuah dewan iaitu Dewan Sri Kenyalang untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin pertama di Bintulu. Pihak UPMKB turut menyumbangkan pelbagai kemudahan seperti bekalan air, elektrik dan tenaga su-karelawan untuk membantu memudahkan pelaksanaan pemberian vaksin kepada penduduk Bintulu.

Menurut Shahrul, beliau berasa gembira kerana melalui sumbangan penyediaan fasiliti PPV terhadap masyarakat Bintulu ini secara tidak langsung telah membuka peluang kepada orang luar untuk mengunjungi kampus UPMKB dan ini juga merupakan peluang yang baik untuk

menarik minat bakal mahasiswa dan mahasiswi agar memilih UPMKB sebagai institusi pendidikan pilihan bagi melanjutkan pelajaran mereka.

Selain daripada itu, Pengetua Kolej Sri Rajang Dr Kamil Latif, juga telah menyatakan bahawa pihak pengurusan UPMKB dan KSR bertekad untuk menyantuni pelajar UPMKB secara menyeluruh.

"Pihak pengurusan KSR sentiasa memastikan bahawa SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan dipatuhi sepenuhnya oleh pelajar.

"Pihak pengurusan juga sentiasa mengambil berat terhadap kesihatan pelajar, terutamanya kesihatan mental pelajar. Oleh itu, pihak pengurusan UPMKB serta pihak KSR sentiasa menganjurkan program-program atas talian yang berasaskan kesihatan mental untuk membolehkan pelajar berkongsi beban yang dihadapi.

"Selain daripada itu, program-program yang dapat membina kemahiran insaniah juga kerap dijalankan," ujar Kamil.

Beliau berharap agar inisiatif tersebut dapat membantu untuk mengurangkan kesan negatif pandemik ini terhadap kesihatan mental pelajar di samping memastikan para pelajar mendapatkan perkembangan yang sempurna.

Perancangan setelah selesainya pemberian vaksin kepada pelajar dalam kampus, Kamil mengatakan bahawa pihak pengurusan Kolej Sri Rajang akan meneruskan usaha untuk memohon slot vaksinasi bagi pelajar kemasyarakatan baharu serta pelajar yang balik daripada cuti semester.

"Kelebihan di sini adalah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bintulu Sarawak memberikan komitmen yang tinggi dan sangat membantu pelajar kita untuk mendapatkan vaksinasi dengan sepenuhnya tanpa mengira kewarganegaraan pelajar," ujar beliau.

Beliau berharap agar semua pelajar yang belum divaksinasi boleh mendapatkan janji temu slot vaksinasi dalam tempoh sebulan selepas pendaftaran masuk. Beliau turut berharap agar pihak Majlis Perwakilan Kolej akan terus memberikan bantuan untuk melancarkan program vaksin yang akan diadakan pada masa akan datang supaya program tersebut dapat berjalan dengan lebih cepat dan lengkap.

Shahrul menyatakan bahawa beliau amat berharap supaya masyarakat di luar menyokong program vaksinasi agar pandemik COVID-19 dapat diatasi demi kesejahteraan bersama.

Kamil pula menambah, beliau sentiasa mendoakan agar semua warga UPMKB akan sentiasa sihat. Beliau berharap agar semua pelajar akan memberi kerjasama untuk menerima suntikan vaksin untuk menghindarkan diri daripada dijangkiti virus.

"Saya berharap agar pihak MPK boleh sentiasa memberikan kata-kata positif kepada pelajar dan meyakinkan mereka untuk menerima vaksin," kata beliau sebagai penutup sesi temu bual itu.



KONGSI MAKLUMAT: Temu bual Sekretariat Multimedia dan Teknologi Penerbitan bersama Pengetua Kolej, secara dalam talian.



INTERAKSI: Temu bual Sekretariat Multimedia dan Teknologi Penerbitan Bersama Pengarah Kampus, secara dalam talian.



DAPAT DOS: Pelajar UPMKB gembira kerana baru menerima suntikan vaksin dos pertama.



JAGA JARAK: Pelajar UPMKB beratur dan mematuhi SOP.



KEMUDAHAN: UPMKB telah menyediakan bas untuk pergerakan pelajar ke PPV Dinner World Bintulu.